

08 JAN 2001

Ikan-Nelayan

JABATAN PERIKANAN BERSIAP SEDIA HADAPI KEKURANGAN NELAYAN

KUALA TERENGGANU, 8 Jan (Bernama) -- Jabatan Perikanan kini bersiap sedia kekurangan jumlah nelayan berikutan saingan dalam pelbagai sektor lain yang menawarkan ganjaran yang lebih menarik.

Ketua Pengarah jabatan itu Hashim Ahmad berkata pelbagai program latihan termasuk menggunakan teknologi tinggi sudah dirangka bagi mengurangkan tenaga kerja dalam sektor itu.

"Ini bukan bermakna sektor perikanan tidak mempunyai potensi tetapi ramai yang tertarik dengan perkembangan pesat pelbagai sektor yang menjanjikan kerjaya yang lebih menarik dan menguntungkan.

"Bagaimanapun jumlah 85,000 orang nelayan yang ada sekarang masih lagi tinggi sehingga mereka terpaksa berkongsi sumber laut yang terhad," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perikanan di sini hari ini.

Hashim berkata walaupun jumlah nelayan yang sedia ada makin berkurangan, namun pengeluaran ikan negara masih dapat dikekalkan pada kadar 900,000 metrik tan setahun.

Menurutnya jabatan itu akan terus memainkan peranan bagi melahirkan golongan nelayan yang bukan sahaja mahir dalam penggunaan teknologi tinggi tetapi juga mempunyai pendidikan yang baik.

Menurutnya bagi mencapai hasrat itu jabatan itu akan menjalin kerjasama dengan para pengusaha dalam sektor berkenaan bagi memilih peserta untuk menjalani latihan selama dua tahun di jabatan berkenaan.

"Ia termasuklah memberikan latihan bagi melahirkan kapten atau peneraju bot nelayan yang menghadapi masalah kekurangan yang kritikal sejak kebelakangan ini dan kita yakin langkah yang diambil mampu mengatasi masalah yang timbul," katanya.

Dalam pada itu beliau berkata nelayan tempatan juga perlu digalakkan menceburi aktiviti di laut dalam yang sekarang ini banyak dimonopoli oleh pekerja dari negara jiran.

Menurutnya daripada 12,000 nelayan bot laut dalam yang ada sekarang, penglibatan nelayan tempatan adalah kurang daripada 10 peratus.

Hashim berkata pada masa ini terdapat sebanyak 32,000 bot nelayan biasa dan 500 bot laut dalam yang beroperasi di seluruh negara.

Sementara itu, Hashim berkata jabatan itu akan meningkatkan kerjasama dengan pengusaha kilang memproses ikan bagi memastikan produk yang dihasilkan memenuhi piawaian untuk tujuan dieksport ke luar negara.

"Sekarang ini jumlah eksport produk ikan ke luar negara masih lagi rendah dan usaha yang lebih gigih mesti dilakukan bagi meningkatkan hasil pengeluaran agar ia memenuhi piawaian," katanya yang tidak menjelaskan jumlah eksport produk itu.

Sehingga kini katanya beberapa pengilang telah pun menunjukkan minat untuk menceburi bidang berkenaan dan jabatan itu akan memberikan bimbingan kepada mereka mengenai tahap mutu produk yang perlu dikeluarkan.

Beliau berkata pada masa ini negara mengeksport produk berasaskan ikan ke Hong Kong, Jepun dan Kesatuan Eropah.

-- BERNAMA

AYB LAT